

## LAPORAN MINI SUKAN AUDIT SEMALAYSIA – TERENGGANU 2009

Mini Sukan Audit SeMalaysia – Terengganu 2009 diadakan sempena Hari Audit SeMalaysia dengan moto “**SUKAN MENGERATKAN PERPADUAN**” yang diadakan pada 3 Oktober 2009 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Gong Badak dan Gelanggang Futsal Sport Planet Gong Badak.

Sukan Audit merupakan acara sukan dwi tahunan bertujuan bagi menggalakkan kakitangan Jabatan Audit Negara melibatkan diri di dalam aktiviti sukan Jabatan di samping merapatkan hubungan sesama kakitangan.

Semua pegawai dan kakitangan audit yang hadir untuk Hari Audit SeMalaysia, turut mengambil bahagian dalam permainan Sukan Audit SeMalaysia sama ada sebagai pemain atau pun penyokong.

Kehadiran peserta sukan audit disambut dengan lagu Negara Ku dan diikuti dengan lagu korporat Jabatan Audit Negara.

Perasmian Mini Sukan Audit disempurnakan oleh Y. Bhg. Tan Sri Ketua Audit Negara dengan memotong tali belon panas yang menaikkan banting Mini Sukan Audit SeMalaysia dan tayangan bunga api di skrin besar.

Selepas perasmian selesai, pemeriksaan kontijen oleh Tan Sri Ketua Audit Negara dan diiringi oleh Pengarah Audit Negeri Terengganu serta pegawai kanan audit.

Tan Sri Ketua Audit Negara serta pegawai kanan yang lain mengambil tempat untuk bersenam robik yang dihoskan oleh Cik Suraya Binti Mohd Isa.

Pembahagian zon dibuat kepada 10 zon seperti berikut:

Zon	Sektor/Bahagian
1	Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
2	Sektor Pengurusan, Sektor Audit Khas & Penyelidikan dan Akademi Audit Negara
3	Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan
4	Cawangan Audit Negeri Selangor dan Sektor Audit Kerajaan Negeri (Ibu Pejabat)
5	Cawangan Audit Negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang

6	Cawangan Audit Negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu
7	Cawangan Audit Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan
8	Cawangan Audit Negeri Sarawak
9	Cawangan Audit Negeri Sabah
10	Unit Audit Dalam dan Bahagian Audit Sekolah

## 1. ACARA SUKAN

Acara sukan yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

- i. Futsal - Lelaki
- ii. Bola Jaring
- iii. Bola Tampar - Campuran
- iv. Badminton - Berpasukan
- v. Ping Pong – Berpasukan

Semua permainan yang dipertandingkan telah diadili oleh persatuan pengadil masing-masing.

Disamping itu juga acara kanak-kanak disediakan iaitu:


- i. Acara mewarna untuk kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun
- ii. Rebut gula-gula
- iii. Tiub belon

Semua acara sukan dijalankan secara serentak dengan format pertandingan kalah mati seperti di carta di Lampiran 'A', ini kerana masa permainan sukan adalah satu hari saja iaitu dari jam 8.00 pagi hingga 5.30 ptg.

### Keputusan Perlawanan

Permainan	Juara	Naib Juara	Ketiga
Futsal	Zon 6	Zon 8	Zon 1 & Zon 5
Badminton	Zon 10	Zon 6	Zon 1 & Zon 5
Bola Jaring	Zon 6	Zon 1	Zon 2 & Zon 5
Bola Tampar	Zon 2	Zon 1	Zon 4 & Zon 8
Ping Pong	Zon 8	Zon 9	Zon 1 & Zon 6

Juara keseluruhan ialah Zon 6 (Zon Timur)



Giliran Perlawanan



Penentuan tempat ketiga dan keempat tidak dipertandingkan

## GAMBAR PERBARISAN SUKAN MENGIKUT ZON



# PERASMIAN SUKAN AUDIT



# SENAM ROBIK





## FUTSAL



## BOLA JARING



# BADMINTON



# BOLA TAMPAR



# PING PONG



## REBUT GULA-GULA



## TIUB BELON



## MEWARNA

